



**KEMENTERIAN DALAM NEGERI
AGANSI ANTIDADAH KEBANGSAAN**

KENYATAAN MEDIA

**MAJLIS PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI YB MENTERI DALAM NEGERI
BERSAMA WARGA KERJA DAN KLIEN AADK**

KULIM, 15 Mac 2025 - YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Dalam Negeri hari ini mengambil kesempatan hadir ke Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Karangan, Kedah untuk menyantuni dan bersahur bersama warga kerja Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan klien-klien AADK.

Majlis ini adalah satu inisiatif Kementerian Dalam Negeri (KDN) menerusi AADK bagi menyantuni warga kerja AADK dan para klien yang sedang mengikuti program Rawatan dan Pemulihan Dalam Institusi (RPDI) di PUSPEN Karangan.

Objektif majlis ini diadakan adalah untuk menyantuni klien-klien AADK selain membangkitkan suasana bulan suci bersama golongan yang kurang bernasib baik. Selain itu, usaha ini juga adalah untuk mewujudkan suasana positif dalam kalangan warga AADK sehingga dapat meningkatkan produktiviti, mengeratkan hubungan silaturahim dan memupuk semangat berpasukan sekali gus merapatkan hubungan antara Pengurusan Tertinggi KDN, AADK dengan pegawai, kakitangan serta klien AADK.

Sehingga 7 Mac 2025, seramai 5,580 klien sedang mengikut program Rawatan dan Pemulihan Dalam Institusi (RPDI) di seluruh negara. Daripada jumlah itu, seramai 5,022 adalah klien dalam kategori mandatori manakala 558 klien pula adalah bagi kategori sukarela. Statistik klien di PUSPEN Karangan pula adalah sebanyak 77 orang daripada kategori remaja.

PUSPEN Karangan dipilih menjadi lokasi sahur adalah kerana PUSPEN ini menjadi satu-satunya PUSPEN yang mempunyai kemudahan blok sekolah sekali gus membolehkan klien di bawah umur 18 tahun mengikuti Program Akses Pendidikan Klien (PAPK) yang mula diperkenalkan AADK sejak 2015. Objektif pelaksanaan PAPK adalah untuk memberi peluang kepada klien mengikuti semula sesi pembelajaran dan persekolahan di

fasiliti AADK sekaligus membolehkan klien AADK melanjutkan pelajaran dan mengambil bahagian dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Sebagai rekod, seramai 12 klien daripada 14 klien lulus dalam peperiksaan SPM 2024 manakala seramai 21 klien daripada 28 klien juga lulus dalam peperiksaan SPM pada tahun 2023. Kejayaan ini membuktikan AADK berupaya melaksanakan PAPK yang memberi peluang kedua bukan sahaja dalam rawatan dan pemulihan dadah, sebaliknya peluang pendidikan ini juga mencorak haluan kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan.

Susulan kejayaan ini juga, AADK proaktif untuk menjadikan Sekolah PUSPEN Karangan sebagai Sekolah Integriti AADK yang pertama seumpamanya untuk memastikan klien AADK juga mendapat tempat dan menyambung pelajar ke peringkat yang lebih tinggi. Selain itu, PAPK menjadi titik tolak kepada perubahan persepsi bahawa keciciran di sekolah tidak semestinya berakhir tanpa ada ruang untuk memperbaikinya.

Pendekatan Sekolah Integriti AADK juga dilihat dapat menyediakan sumber tenaga manusia yang berilmu untuk keperluan kemajuan negara selari dengan matlamat pendidikan di negara ini. Oleh itu, dengan adanya kemudahan ini, AADK mampu menangani isu keciciran pendidikan bagi klien AADK sekali gus dapat menyambung semula sesi persekolahan secara korektif.

Terdahulu, YB Datuk Seri Saifuddin Nasution turut menyertai program Kejut Sahur RELA MADANI di Kampung Kemunting, Karangan, Kedah. Dalam program itu, beliau bersama anggota RELA telah mengadakan aktiviti kejut sahur di sekitar kampung berkenaan dan menyerahkan sumbangan berupa bakul makanan kepada beberapa penduduk kampung.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI
AGensi ANTIDADAH KEBANGSAAN
15 MAC 2024, KULIM, KEDAH**